



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

LEBIH 10,000 PENGUNJUNG HADIRI MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI MADANI 2025 BERSAMA YAB PERDANA MENTERI PERINGKAT SARAWAK

KUCHING, 19 April 2025 – Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama YAB Premier Sarawak telah hadir ke Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 Peringkat Sarawak anjuran Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Sarawak serta Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Pejabat Perdana Menteri bertempat di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching, hari ini.

Menerusi tema 'Ihsan Menyentuh Jiwa, Toleransi Menyatu Negara', program ini bertujuan mengangkat nilai ihsan dan semangat toleransi sebagai asas kepada kesatuan dalam kepelbagaian menerusi konsep Malaysia MADANI. Penganjuran di Sarawak yang merupakan destinasi kelima penganjuran Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2025 turut menjadi wadah dan simbolik kemajmukan budaya Malaysia dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Lebih 10,000 orang telah hadir memeriahkan majlis merangkumi pelbagai lapisan masyarakat termasuk ketua-ketua kaum dan masyarakat setempat di kawasan Kuching dan sekitarnya. Pelbagai juadah tempatan Sarawak telah disediakan untuk dinikmati para pengunjung selain sajian persembahan menarik oleh artis-artis tempatan.

PETRA sebagai kementerian peneraju berharap penganjuran majlis ini menjadi medium menzahirkan aspirasi Malaysia MADANI untuk memperkukuh nilai-nilai murni seperti kasih sayang, toleransi dan hormat dalam kalangan rakyat berbilang kaum serta menyemai semangat kebersamaan yang merentasi perbezaan latar belakang dan fahaman.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my



**MALAYSIA
MADANI**

PETRA

PETRAMALAYSIA

